

# Weststar sasar kontrak RM10 bilion

► Pengangkutan helikopter luar pantai untuk syarikat minyak dan gas diperluas

**SINGAPURA:** Weststar Aviation Services Sdn Bhd (Weststar), sebuah anak syarikat Weststar Group, menasaskan untuk mendapatkan kontrak bernilai sekurang-kurangnya RM10 bilion dengan memperluaskan perkhidmatan pengangkutan helikopter luar pantainya bagi syarikat minyak dan gas menjelang akhir tahun.

Ketua Pegawai Eksekutif, Tan Sri Muhammad Ismail Jamaluddin, berkata syarikat itu akan menyediakan dua helikopter bagi sebuah syarikat minyak dan gas di Maghribi bulan depan sebagai rancangan berikutnya dalam

program peluasan syarikat itu.

Beliau berkata syarikat itu menandatangani kontrak di Thailand bulan lepas untuk membekalkan enam helikopter dan merancang untuk memperluaskan perkhidmatan ke Maghribi bulan depan.

"Kami juga dalam proses membida bagi kontrak-kontrak di Mozambique," katanya dalam satu sidang media selepas menandatangani perjanjian bagi helikopter enjin berkembar AW139 dengan Agusta Westland, sebuah syarikat pembuat helikopter berpangkalan di Itali, di sini semalam.

Muhammad Ismail berkata pada masa ini syarikat itu mempunyai kontrak bernilai lapan bilion ringgit.

Helikopter AW139 merupakan sebahagian besar daripada keseluruhan angkatan helikopter Weststar Aviation Services, katanya, sambil menambah "kami menikmati rekod pencapaian yang cemerlang".

"Memandangkan Weststar Aviation Services kini bergerak maju dalam usaha peluasannya di peringkat antarabangsa, kami amat gembira dan yakin untuk mendapatkan kerjasama selanjutnya daripada Agusta Westland sebagai rakan kongsi helikopter pilihan

kami," katanya.

Muhammad Ismail berkata syarikat itu akan menerima tiga helikopter AW139 pertamanya dalam suku pertama tahun ini.

Ditanya tentang sebab-sebab Weststar memilih model AW139, Muhammad Ismail berkata model itu mempunyai ciri-ciri penerbangan berprestasi tinggi dan keselamatan serta susun atur kokpit, falsafah reka bentuk dan konsep penyenggaraan yang sama seperti model AW169 dan AW189, yang lebih besar daripada AW139.

Pelanggan minyak dan gas Weststar termasuklah Petronas Carigali,

ExxonMobil, Carigali Hess, Talisman, Shell dan Mubadala Petroleum.

Pada masa ini Weststar Aviation Services memiliki angkatan helikopter Sikorsky dan Agusta Westland yang digunakan khusus untuk menyediakan perkhidmatan sokongan luar pantai bagi syarikat-syarikat minyak dan gas multinasional.

Tentang sama ada syarikat itu akan mempertimbangkan tawaran awam awal (IPO), Muhammad Ismail berkata kumpulan itu sedang merancang untuk berbuat demikian, tetapi akan mengumumkannya kemudian nanti. — Bernama